

SOALAN NO. 70

Dari segi jumlah penumpang pula, pada sepanjang tahun 2017, perkhidmatan BRT Laluan Sunway telah menampung lebih dari 2.3 juta penumpang setahun, dibandingkan dengan 1.74 juta penumpang pada tahun 2016. Ini merupakan kenaikan sebanyak 32% peratus dari tahun 2016 ke tahun 2017.

Jumlah bilangan penumpang ini adalah sejajar dengan unjuran penumpang semasa.

Namun, pelbagai usaha sedang dan akan dijalankan untuk meningkatkan jumlah pengguna perkhidmatan BRT Laluan Sunway. Antaranya adalah dengan menambahbaik promosi perkhidmatan tersebut kepada orang ramai, termasuk golongan pelancong dan pelajar yang mengunjungi dan belajar di Bandar Sunway; menganjurkan acara sukan dan riadah di sepanjang jajaran laluan tersebut.

Sekian, Terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ
BIN ABDUL RAHIM
[BALING]**

TARIKH : 8.3.2018 (KHAMIS)

SOALAN : 71

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah terdapat inisiatif daripada pihak Kementerian untuk membina Mini RTC di Baling bagi memudahkan rakyat Baling untuk melakukan urusan-urusan yang berkaitan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, KKLW amat menghargai pandangan Yang Berhormat kerana melihat Mini RTC sebagai salah satu platform yang dapat memudahkan penduduk setempat berurusan dengan agensi Kerajaan.

Bagi pertanyaan Yang Berhormat berkenaan inisiatif untuk membina Mini RTC baharu di kawasan Baling, buat masa ini permohonan untuk membuka Mini RTC yang baharu belum dapat dipenuhi memandangkan ketiadaan peruntukan. Walau bagaimanapun, KKLW mengambil maklum dan akan mempertimbangkan mengenai perkara ini sekiranya mempunyai peruntukan di masa hadapan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, buat masa ini sudah terdapat 31 buah Mini RTC di negeri Kedah yang dikawal selia oleh agensi penyelaras KEDA yang mana telah ada enam (6) Mini RTC di dalam kawasan Parlimen Baling iaitu:

- 187
- 1) Mini RTC Teluk Teduri (DUN Bayu);
 - 2) Mini RTC Ulu Legong (DUN Bayu);
 - 3) Mini RTC FELCRA Weng (DUN Bayu);
 - 4) Mini RTC Padang Dan (DUN Bayu);
 - 5) Mini RTC Kledang (DUN Kupang); dan
 - 6) Mini RTC Ulu Bakai (DUN Kuala Ketil)